

TERENGGANU KINI



Kelana Jaya Medical Centre.



Kumpulan Medic Iman perkenal produk baharu

Oleh **FAKRUSY SYAKIRIN**

KUALA TERENGGANU: Anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC) Terengganu di bawah kelolaan Kumpulan Medic Iman (KMI Healthcare) terus mengorak langkah memperkenalkan produk baharu.

Ia secara tidak langsung bakal meningkatkan pendapatan GLC terbabit.

Pengerusi TDM Berhad, Raja Dato' Idris Raja Kamaruddin berkata, di bawah KMI terdapat empat hospital pakar yang menawarkan penjagaan sekunder dalam semua bidang utama kesihatan.

Katanya, hospital tersebut iaitu Kelana Jaya Medical Centre (KJMC), Kuantan Medical Centre (KMC), Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTS) dan TDMC Hospital Kuala Lumpur.

"Sejak pandemik Covid-19, KMI keluar daripada kebiasaan dalam operasi perniagaan harian dengan menawarkan perkhidmatan

KMI juga berhasrat muncul 'Hospital Mesra Ibadah' dalam usaha meningkatkan kualiti rawatan dan kemudahan untuk membantu pesakit dan penjaga melaksanakan kewajiban di hospital



Makmal perkhidmatan jantung (cath lab).

'online', penjagaan di rumah dan khidmat penghantaran di semua hospital.

"Ia membabitkan beberapa bidang terpilih seperti penjagaan, kejururawatan, fisioterapi, farmasi, makanan dan kesihatan," katanya di sini.

Menurutnya juga dalam usaha mendepani perkembangan baharu, hospital KMC dan KTS juga memiliki makmal perkhidmatan jantung (Cath Lab).

"Selain itu, hospital KMC akan turut memperkenalkan perkhidmatan baharu

secara berperingkat pada 2021 seperti Pusat Pakar Otak dan Tulang Belakang dan juga servis oftalmologi (pakar mata).

"Selain perkhidmatan pakar, hospital KMI yang dibina khas menawarkan bilik katil persendirian untuk privasi dan keselesaan pesakit dan penjaga.

"KMI juga berhasrat muncul 'Hospital Mesra Ibadah' dalam usaha meningkatkan kualiti rawatan dan kemudahan untuk membantu pesakit dan penjaga melaksanakan kewajiban di hospital," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, Dr Rayneey Azmi Ali berkata, pihaknya berhasrat memfokuskan strategi syarikat itu pada pemerolehan dan pembangunan "brownfield."

Kata beliau, ia merupakan langkah untuk mengembang dan memperkukuhkan perniagaan sebagai penyedia kemudahan penjagaan

kesihatan swasta yang diiktiraf di Malaysia.

"Pendekatan tersebut diharapkan dapat meningkatkan pendapatan melalui peningkatan jumlah dan kehadiran pesakit di seluruh negara. Ia juga mampu membantu hospital kecil yang terjejas teruk oleh wabak Covid-19.

"Salah satu cabaran yang dihadapi di sektor perawatan kesihatan sepanjang pandemik ialah penundaan rawatan oleh pesakit. Pesakit memilih untuk menangkahkan rawatan kerana bimbang meninggalkan rumah.

"Ia secara tidak langsung mempengaruhi prestasi kebanyakan hospital swasta pada 2020. Oleh itu, KMI Healthcare berhasrat untuk membantu hospital yang terlibat," katanya.

Manakala strategi 'greenfield dan brownfield' KMI Healthcare merancang menambah sebanyak 1,000 katil menjelang 2025.



KMC Hospital.